



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 32/2012 ( 5 hingga 11 Ogos 2012)

Terdapat peningkatan kes pada minggu ke-32 berbanding minggu sebelumnya di mana sejumlah 379 kes demam Denggi telah dilaporkan berbanding 371 kes, dengan tujuh (7) buah negeri meningkat iaitu Kedah sebanyak 13 kes (100%), masing-masing 10 kes di Sabah (167%) dan Sarawak (91%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 6 kes (33%), Perak 5 kes (14%), Johor 4 kes (10%) manakala Pahang 2 kes (22%) (Lampiran A).

Bermula dari Januari sehingga 11 Ogos 2012, jumlah terkumpul kes Denggi adalah 13,912 kes, meningkat sebanyak 10% atau 1,323 kes berbanding 12,589 kes untuk tempoh yang sama tahun lepas, manakala jumlah kematian adalah sebanyak 26 kematian, meningkat 5 kematian berbanding 21 kematian pada tahun 2011.

Sempena hari perayaan yang bakal menjelang tiba, Kementerian Kesihatan ingin mengajak semua masyarakat supaya memastikan kawasan persekitaran kediaman adalah bersih dan bebas dari tempat pembiakan nyamuk Aedes. Orang ramai yang dijangka akan pulang ke kampung untuk tempoh masa melebihi seminggu disarankan agar memastikan tiada bekas atau tempat yang berpotensi pembiakan Aedes

ditinggalkan di rumah mereka agar jangkitan demam Denggi dapat dicegah. Jika terdapat takungan air yang besar dan kekal seperti tangki air atau kolah mandi, sila masukkan ubat pembunuh jentik-jentik (Abate). Pergerakan manusia yang tidak terhad semasa cuti perayaan ini boleh menyebabkan jangkitan demam Denggi lebih cepat merebak jika terdapat nyamuk dan pembiakan *Aedes* di persekitaran mereka. Oleh itu, langkah pencegahan yang boleh diambil bagi mengelakkan jangkitan Denggi ketika pulang bercuti pada hari perayaan adalah seperti berikut;

- i. Menggunakan racun penyembur aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa yang berada di dalam rumah.
- ii. Menggunakan bahan penghalau nyamuk (repellen) kepada bahagian badan yang terdedah untuk gigitan nyamuk ketika keluar rumah, terutama pada waktu nyamuk aktif menggigit (5 hingga 7 pagi dan 5 hingga 7 petang).
- iii. Gotong royong bersihkan kawasan perumahan sempena hari lebaran.

Bagi mereka yang mengalami demam dapatkan rawatan awal di klinik berhampiran, kerana komplikasi demam Denggi boleh membahayakan nyawa pesakit. Utamakan kesihatan anda walau di mana pun anda berada. Para pengamal perubatan sama ada di fasiliti kerajaan atau swasta perlu memeriksa dan mendapatkan maklumat dari pesakit dengan teliti agar kes-kes demam Denggi ini dapat dikesan awal agar rawatan segera dapat diberikan.

Daripada pemantauan KKM, sejumlah 48 lokaliti wabak daripada 14 daerah telah dilaporkan pada minggu ke 32 dengan 24 lokaliti berlaku di Selangor manakala tiada lokaliti *hot spots* dilaporkan. Walaupun aktiviti gotong-royong agak berkurangan pada bulan Ramadhan, namun aktiviti

cari dan musnah di kawasan kediaman perlu diteruskan bagi memastikan tiada tempat bagi nyamuk Aedes membiak dan jentik-jentik Aedes dapat dihapuskan. Kementerian Kesihatan telah mengesan 760 premis yang mempunyai pembiakan Aedes pada sepanjang minggu lepas dan 60% daripadanya adalah di kawasan kediaman.

Kementerian Kesihatan berharap masyarakat akan menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan penuh kegembiraan dan selamat dari ancaman jangkitan demam Denggi yang dibawa oleh nyamuk Aedes. Ingatlah **“TIADA AEDES, TIADA DENGGI”**.

**DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

13 Ogos 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 32/2012  
(5 hingga 11 Ogos 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 32/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 32/2011
		Minggu 32 (5 – 11 Ogos 2012)	Minggu 31 (29 Julai – 4 Ogos 2012)		
1	Perlis	2	7	126	58
2	Kedah	26	13	539 (3)	301
3	P. Pinang	12	20	533 (1)	1,200 (2)
4	Perak	40	35	1,003 (4)	798 (2)
5	Selangor	120	127	6,178 (11)	4,811 (5)
6	WPKL & Putrajaya	24	18	1,277 (3)	1,170 (1)
7	N. Sembilan	14	19	294 (1)	492 (1)
8	Melaka	4	13	342	266
9	Johor	42	38	1,043 (1)	1,083 (5)
10	Pahang	11	9	421 (1)	596 (1)
11	Terengganu	23	26	507	436 (1)
12	Kelantan	24	29	735	443 (1)
13	Sarawak	21	11	601	641
14	Sabah	16	6	305 (1)	285 (2)
15	WP Labuan	0	0	8	9
	<b>MALAYSIA</b>	<b>379</b>	<b>371</b>	<b>13,912 (26)</b>	<b>12,589 (21)</b>

Nota: ( ) Kematian